

12 JAN 1996

Atlit-Insentif

NEGARA HARGAI 21 ATLIT KURANG UPAYA DENGAN INSENTIF WANG

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Negara hari ini menghargai 21 atlit kurang upaya dengan insentif wang berjumlah RM415,000 kerana kejayaan mereka dalam sukan orang kurang upaya peringkat dunia dan serantau.

Mereka menerima cek-cek anugerah insentif itu daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis pelancaran program ke arah kecemerlangan orang kurang upaya 1996 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Para penerima itu termasuk tiga pemenang pingat emas dan perak pada sukan "Stoke Mendeville World Wheel Chair Games" di United Kingdom pada 1993.

Dua daripada pemenang itu menerima insentif RM80,000 tiap seorang itu iaitu Cheok Kong Fatt dari Kuala Lumpur yang memenangi dua pingat emas dalam acara angkat berat 48-52 kg dan Bensen anak Patta juga dari Kuala Lumpur, yang memenangi dua pingat emas dalam acara yang sama bagi kategori 52-56 Kg.

P. Mariappan, juga dari Kuala Lumpur menerima anugerah insentif RM60,000 kerana memenangi satu pingat emas dan satu pingat perak dalam cara serupa bagi kategori 60-67 Kg.

Penerima lain anugerah insentif itu ialah para pemenang sukan "Far East and South Pacific Games for the Disabled" (FESPIC Games) di Beijing tahun lepas.

Mereka termasuklah M. Kathirivan dari Kedah yang menerima insentif RM31,000 kerana memenangi satu pingat emas dan satu pingat perak dalam acara renang 100m dan 50m gaya bebas dan satu pingat perak dalam acara 100m gaya kupu-kupu.

Mohamad Khasseri Othman dari Kuala Lumpur yang memenangi dua pingat perak dalam acara larian 100m dan lompat tinggi dan Abdul Rahim Kunzumia juga dari Kuala Lumpur, yang memenangi dua pingat perak dan satu pingat gangsa dalam acara lontar peluru, lempar cakera dan rejam lembing menerima RM16,000.

Para pemenang lain menerima insentif wang antara RM4,000 dan RM12,000.

Acara itu diserikan dengan persembahan laser dan klip video mengenai orang kurang upaya dan peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta jabatan dan agensi-agensinya.

Selain persembahan koir oleh pelatih-pelatih Pusat Pemulihan Cheras, murid-murid pendidikan khas dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat, majlis dihiburkan dengan persembahan muzik istimewa oleh Rahman Al Baladin dari Kelantan, Mohamad Hassan dari Johor dan Mahat Hussain dari Pahang. --

BERNAMA